

Kerajaan perhebat usaha basmi kemiskinan tegar — PM

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

PUTRAJAYA 10 Mei — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menegaskan bahawa kerajaan akan memperhebatkan usaha membasmi kemiskinan terutama kemiskinan tegar bagi memastikan tidak ada lagi rakyat negara ini yang hidup dalam kedaifan dan melarat.

Dalam hal ini, Perdana Menteri menggesa semua pihak terutama sektor swasta memberi kerjasama sepenuhnya untuk membantu kerajaan merealisasikan hasrat tersebut.

Walaupun hanya satu peratus daripada isi rumah di negara ini tergolong dalam kemiskinan tegar, beliau memberi jaminan bahawa kerajaan akan tetap melaksanakan usaha tersebut secara tekun dan berseungguh-sungguh.

“Kerajaan ingin melihat kemakmuran negara dikecapi bersama oleh semua golongan masyarakat termasuk golongan orang kurang upaya dan cacat anggota serta warga emas,” katanya ketika berucap sebelum mempengerusikan sesi ketiga majlis Perundingan Bajet 2005 di Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan kini sedang mengkaji semula konsep dan definisi kemiskinan secara me-

nyeluruh iaitu dengan mengambil kira elemen seperti kos kehidupan di sesuatu kawasan serta bilangan anggota keluarga.

“Ini penting untuk mendapat gambaran lebih tepat tentang masalah kemiskinan di negeri-negeri dan daerah-daerah berlainan, serta mengenal pasti golongan sasaran yang patut menerima bantuan,” katanya.

Menurut beliau, kerajaan sedar bahawa proses memahami, mengenal pasti punca dan mengatasi masalah kemiskinan adalah jauh lebih kompleks dan rumit berbanding dulu lantas memerlukan pemikiran, analisis dan pendekatan lebih canggih.

Perdana Menteri berpendapat, dengan maklumat yang lebih terperinci, satu pendekatan yang disasarkan secara lebih tepat dan berkesan dapat dijalankan.

Abdullah memberi jaminan kepada wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menghadiri majlis Perundingan Bajet 2005 bahawa kerajaan pimpinannya akan terus mendengar pandangan dan kritikan membina serta sedia menerima cadangan-cadangan wajar demi memperbaiki mutu dan keberkesanan program sosial serta pentadbiran kerajaan.

Dalam hal ini, beliau mahu NGO menjadi mata dan telinga kerajaan iaitu berfungsi sebagai pengimbang untuk memaklumkan

tanpa rasa takut tentang kekurangan-kekurangan dalam sistem pentadbiran serta membantu memastikan program kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

“Saya juga berharap agar NGO berperanan mewujudkan sikap positif di kalangan ahli-ahlinya supaya pandangan negara luar terhadap imej negara kita Malaysia menjadi lebih seimbang, melihat kelebihan kita sebagai kekuatan untuk dicontohi dan melihat kekurangan kita sebagai kelemahan yang akan ditangani dan diperbaiki bersama-sama,” katanya.

Perdana Menteri berkata, matlamat akhir negara adalah untuk membentuk sebuah masyarakat yang bersatu-padu dan makmur serta sejahtera melalui pembangunan ekonomi.

Beliau memetik laporan kualiti hidup Malaysia dalam tempoh dua dekad iaitu dari 1980 hingga 2000 telah meningkat sebanyak 22.4 mata.

Tambahnya, kerajaan juga komited untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang bermaruah tinggi dan beretika, mengamalkan urus tadbir berhemah serta berintegriti yang diharap akan tercapai melalui usaha kerajaan melaksanakan Pelan Integriti Nasional (PIN) baru-baru ini.

um - 11/5/2004 ÷ 2